

03/03/1998

Hanya 5 negeri tanam pokok

KUALA LUMPUR, Isnin - Selepas genap setahun kempen menanam pokok dilancarkan, hanya lima negeri berjaya memenuhi malah melebihi sasaran yang ditetapkan kerajaan.

Negeri terbabit adalah Melaka dengan melebihi 20,000 jumlah pokok yang ditetapkan, Negeri Sembilan (30,000), Pahang (40,000), Perak (90,000) dan Perlis (10,000).

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh, menyifatkan kejayaan itu berpunca daripada sikap proaktif negeri terbabit, disertai perancangan yang lebih teliti dan sistematik.

"Negeri-negeri lain lambat sedikit mungkin kerana mengambil masa lebih lama untuk melaksanakan kempen ini. Malah, ada yang memberi alasan tiada kepakaran dan kawasan sesuai serta kekurangan peruntukan sebagai punca gagal memenuhi sasaran itu," katanya.

Selaras dengan pelancaran Kempen Menanam Pokok Seluruh Negara oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, 3 Mac lalu, kerajaan menetapkan sasaran tiga juta pokok menjelang 2000 dan 20 juta pokok menjelang 2020.

Bagi memastikan sasaran itu dipenuhi, sekurang-kurangnya 750,000 pokok perlu ditanam dalam setahun.

(END)